

# 90 'saintis muda' lancar roket rebut hadiah RM20,000

KUALA LUMPUR 5 Sept. — Sebanyak 90 'saintis muda' dari seluruh negara hari ini melancarkan roket pertamanya masing-masing bagi merebut piala Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi pada pertandingan Teknologi Pelancaran Roket Peringkat kebangsaan, di sini.

Pertandingan yang diadakan di Universiti Malaya (UM) itu melibatkan pelajar dari 45 sekolah yang beriya memenangi pertandingan peringkat negeri pada 28 Mac hingga 18gos lalu.

Pelbagai bentuk dan saiz roket ditampilkan dalam pertandingan tersebut yang memerlukan peserta menyediakan roket prototaip dengan melakukan ujian pelancaran bagi dua kategori, 'trajektori' dan 'parashute'.

Bagi kategori 'trajektori', markah berdasarkan roket paling jauh dilancarkan manakala markah kategori 'parashute' ditentukan melalui catatan masa paling lama roket berada di udara.

Pertandingan selama dua hari itu menawarkan hadiah keseluruhan bernilai RM20,000.

Johan akan menerima piala pusi-

ngan dan mewakili negara ke peringkat antarabangsa di Fukuoka, Jepun pada 15 Oktober ini.

Selain itu, pertandingan anjuran Agensi Angkasa Negara (Angkasa) dengan kerjasama Kementerian Pelajaran itu turut menyediakan hadiah bagi beberapa kategori khas termasuk Reka Bentuk Artistik Roket Terbaik.

Timbalan Dekan Fakulti Sains UM, Prof. Dr. Mohd. Zambri Zainuddin ketika berucap melancarkan pertandingan itu berkata, acara tersebut dapat meningkatkan kefahaman pelajar dalam bidang sains dan teknologi angkasa.

"Mereka dapat mengaplikasikan teori-teori dan konsep fizik yang telah dipelajari di sekolah, siapa tahu mereka ini akan menjadi angkasawan yang boleh dibanggakan kelak," katanya.

Sementara itu, beberapa pelajar yang ditemui menyatakan rasa bangga kerana terpilih menyertai pertandingan tersebut dan menyifatkannya sebagai medan membuktikan kemampuan dan kebolehan mereka.

Pelajar tingkatan lima Sekolah

Menengah Teknik Terengganu, **Mohd. Izal Izhan Nordin**, 17, berkata, beliau berhempas pulas sejak pertandingan peringkat negeri lagi.

"Roket kami masih konsisten, dengan cuaca yang baik kami rasa kami mampu memberi saingan kepada peserta lain," katanya.

Pasangan kembar, **Siti Nor Samsiah**, 16, dan **Siti Nor Kamariah Ismail**, 16, dari SMK Datuk Jaafar, Perlis pula mahu membuktikan pelajar perempuan juga mampu mencipta roket dan memenangi pertandingan itu.

"Kami telah menjalankan eksperimen sekerap mungkin dan mencari jalan terbaik bagi memastikan roket kami sentiasa bersedia, kami tahu kami juga boleh bersaing dengan pelajar lelaki," kata Siti Nor Samsiah.

Sementara itu, pelajar SMK Green Road, Kuching, **Kenneth Chen**, 16, yakin persediaan rapi sejak awal sehingga ada kalanya terpaksa bersengkang mata sehingga lewat malam bagi mencipta roket terbaik, akan membuahkan hasil.



**MOHD. Zambri Zainuddin** (tiga dari kanan) menekan butang pelancaran sebagai tanda perasmian Pertandingan Teknologi Pelancaran Roket 2005 di Padang Varsity, Universiti Malaya Kuala Lumpur, semalam.